

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]
TARIKH : 13 OKTOBER 2014
SOALAN :

**YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- a. sama ada Kerajaan bercadang untuk membesarkan fasiliti Hospital Kerajaan di Kapit untuk menampung jumlah pesakit yang kian meningkat; dan

- b. menangani kesesakan tempat letak kereta dan kekurangan wad di Hospital Umum Kuching.

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan bagi menaiktaraf fasiliti Hospital Kapit telah dicadangkan dalam RMK-10. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat dilaksanakan disebabkan peruntukan yang terhad. Namun begitu, cadangan menaik taraf Hospital Kapit akan diberi keutamaan dalam RMK-11 nanti.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan masalah kesesakan di Hospital Umum Sarawak (HUS):-

- i. Dalam **RMK-10**, KKM telah melaksanakan beberapa projek naiktaraf HUS termasuk:
 - CRC (Clinical Research Centre) & wad neurologi; dan
 - Naiktaraf wad psikiatri.
- ii. Pada masa ini, Kerajaan telah meluluskan projek naiktaraf *Daycare, Pathology, Blood Bank, Tempat Letak Kereta Bertingkat (TLKB), Medi-Hotel Dan Kemudahan Shop Lots* di HUS yang telah dilaksanakan secara Kerjasama Awam Swasta (PFI). Jumlah TLKB adalah sebanyak **1,750 petak**. Cadangan projek ini sedang dalam peringkat semakan rekabentuk dan memuktamadkan spesifikasi peralatan perubatan. Projek dijangka dapat dimulakan pada tahun **2015**.
- iii. Selain itu, HUS juga menyediakan perkhidmatan rawatan jantung ke Pusat Jantung, HUS di Kota Samarahan telah bermula sejak **01 Januari 2011**.
- iv. Pembinaan Hospital Petra jaya yang merupakan sebuah hospital berpakar dengan kapasiti 300 katil yang dijangka akan siap pada tahun **2017**.

Dengan terbinanya hospital baru ini, ia dijangka akan dapat mengurangkan masalah **kesesakan di wad pesakit** dan **kesesakan tempat letak kereta** di HUS.

NO. SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 13.10.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes rasuah disiasat dan disabitkan oleh SPRM dalam tempoh lima tahun lepas yang melibatkan wang rasuah melebihi RM1 juta.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM tidak dapat memperincikan kes-kes siasatan rasuah mengikut jumlah nilai rasuah. Ini kerana kes rasuah tidak semestinya melibatkan nilai wang semata-mata tetapi melibatkan perkhidmatan, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kes-kes bersindiket.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, walaupun seseorang pelaku rasuah menerima nilai amaun rasuah yang kecil, namun impak buruk dari hasil perlakuan rasuah tersebut boleh menjurus kepada ancaman keselamatan negara, kesejahteraan masyarakat dan ekonomi terutamanya melibatkan kehilangan hasil negara berjumlah jutaan hingga berbillion ringgit.

Sekian, terima kasih.